

# Kurang kesedaran bahaya kanser

**W**anita antara populasi tertinggi yang menghidap kanser dan wanita jugalah golongan yang kurang kesedaran mengenainya.

Mengejutkan, tapi sememangnya wanita khususnya di negara ini kurang kesedaran mengenai penyakit itu hinggalah ia mengancam nyawa mereka.

Selepas kanser payudara, kanser serviks atau pangkal rahim muncul di kedudukan teratas paling kerap dihidapi rakyat negara ini.

Penafian, tidak mahu ambil tahu dan percaya dirinya tidak dijangkiti menjadi salah satu faktor kepada kealpaan wanita dalam memperkasakan dirinya dengan pengetahuan serta pencegahan penyakit itu.

Justeru, MAY, jenama sabun mandi popular Malaysia, bangkit menjalankan kempen kesedaran kanser serviks menerusi program MAY Cares For You dengan kerjasama Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia (NCSM)

## Ramai wanita tak hirau penyakit boleh ancam nyawa mereka

dan Watsons, baru-baru ini.

Kempen itu dimulakan dengan sesi siri ceramah pendidikan yang menerima sambutan positif masyarakat terutama kalangan pelajar institusi pengajian tinggi sekitar Lembah Klang.

"Ia tindakan tepat dan peluang menarik untuk MAY menjalankan kempen ini bersama NCSM bagi meningkatkan lagi kesedaran masyarakat mengenai kanser itu.

"Menerusi penganjuran siri ceramah pendidikan di universiti terpilih di sekitar Lembah Klang, kami dapat berkongsi dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar.

"Dengan kepakaran NCSM, kami harap pelajar terbabit lebih prihatin men-



TIZ Zaqyah menerima suntikan dos kedua vaksin HPV.

genai risiko yang dibawa pembunuh senyap ini," jelas Francis Ng, Pengurus Besar (Isi Rumah dan Penjagaan Peribadi), Lam Soon Edible Oils Sdn Bhd.

Universiti yang menyertainya termasuklah Univer-

siti Metropolitan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Mara.

Duta MAY, Tiz Zaqyah, pula menjelaskan bagaimana kempen terbabit telah

membuka matanya tentang risiko kanser serviks dan berharap masyarakat tidak memandang mudah penyakit ini di masa akan datang.

Sepanjang kempen terbabit yang dijalankan pada Mei sehingga Julai 2013, MAY berjaya meraih RM15,000, yang akan disalurkan kepada NCSM untuk kempen kesedaran kanser dan aktiviti berkaitan pada masa akan datang, dengan harapan untuk menyebarkan mesej kepada lebih ramai wanita di seluruh negara membatalkan risiko dan

pencegahan kanser serviks.

"Ia adalah platform yang baik bagi kami berkongsi dengan rakyat Malaysia mengenai kepentingan memahami risiko kanser, khususnya kanser serviks," ujar Naib Presiden NCSM, Clare Ratanasingham

Ibarat sahabat, MAY menggalakkan wanita Malaysia tanpa mengira usia dan bangsa untuk memahami kepentingan menyayangi tubuh badan agar kekal sihat, jelita dan bebas daripada sebarang ancaman kanser serviks.



National  
Cancer  
Society  
Malaysia

Giving Hope Celebrating Life

CLARE (dua dari kanan) menerima sumbangan RM15,000 daripada Francis (dua dari kiri).



OUR SERVICES

DETECTION CENTRE

CINE CENTRE

MENT CENTRE

& WELLNESS CENTRE

HOME OF HOPE